

Penempatan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Kolej Komuniti

(Placement Of Students With Disabilities In Community Colleges)

Yasmin Ali^{1*}, Norshidah Mohamad Salleh^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p102138@siswa.ukm.edu.my / nshidah@ukm.edu.my

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.21>

Abstrak: *Kemasukan pelajar ke Kolej Komuniti memerlukan pihak kolej menyediakan keperluan yang mesra OKU untuk memudahkan mereka mengikuti pembelajaran mereka. Objektif kajian ini ialah mengetahui sokongan yang disediakan di kolej komuniti kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan mengenalpasti kemudahan prasarana fizikal yang di sediakan kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di dua buah kolej komuniti. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Data dikumpul adalah melalui teknik temu bual tidak berstruktur dan menggunakan kaedah tematik untuk menganalisis dapatan kajian. Responden adalah terdiri daripada empat orang pensyarah kolej Komuniti dan dua orang pelajar OKU di kedua-dua Kolej Komuniti tersebut. Soalan temu bual diadaptasi daripada kajian oleh Hasnah et al. (2009). Dapatan kajian menunjukkan kolej komuniti memberi sokongan kepada pelajar OKU di kolej mereka dari segi penerimaan rakan, penerimaan pensyarah dan penerimaan staf sokongan. Dapatan kajian prasarana di kolej komuniti menunjukkan terdapat semua kemudahan prasarana di kolej komuniti A, Selangor namun tidak terdapat prasarana di kolej komuniti B, Pahang, contohnya tandas mesra OKU, lift, bilik kuliah, tempat letak kenderaan OKU. Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi perlu memastikan kemudahan-kemudahan asas untuk golongan OKU di semua kolej Komuniti disediakan sewajarnya agar membantu pelajar menjalani sesi pembelajaran dengan lebih fleksible. Maklumat yang diperoleh dari kajian ini juga dapat meningkatkan kemudahan sedia ada pada masa hadapan dengan harapan kemudahan tersebut dapat diekses untuk membantu mereka untuk hidup lebih berdikari.*

Kata kunci: Orang Kurang Upaya (OKU), Kolej Komuniti, Sokongan, Prasarana

Abstract: *Admission of students to Community Colleges requires the college to provide OKU -friendly needs to facilitate them to follow their studies. The objective of this study is to find out the support provided in community colleges to students with disabilities (OKU) and to identify the physical infrastructure facilities provided to students with disabilities (OKU) in two community colleges. This study was conducted qualitatively by using case study method as the study design. Data were collected through unstructured interview techniques and using thematic methods to analyze the findings of the study. The respondents consisted of four Community college lecturers and two students with disabilities in the two Community Colleges. The interview questions were adapted from a study by Hasnah et al. (2009). Findings of the study show that community colleges provide support to students with disabilities in their colleges in terms of peer acceptance, lecturer acceptance and support staff acceptance. Findings of the infrastructure study in community college show that there are all infrastructure facilities in community college A, Selangor but there is no infrastructure in community college*

B, Pahang, for example OKU friendly toilets, elevators, lecture rooms, OKU parking. Therefore, the Ministry of Higher Education needs to ensure that basic facilities for the disabled in all community colleges are provided appropriately to help students undergo learning sessions more flexibly. The information obtained from this study can also improve the existing facilities in the future in the hope that the facilities can be accessed to help them to live more independently.

Keywords: People with Disabilities (OKU), Community College, Support, Infrastructure

1. Pendahuluan

Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai individu yang mempunyai kekurangan pada fizikal, intelektual, mental, mahupun deria yang menghalang penglibatan mereka daripada memberi komitmen dan penyertaan yang penuh apabila berada di dalam kalangan masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Pendidikan adalah sesuatu keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seseorang individu termasuklah individu OKU. Pendidikan di Malaysia kini semakin berkembang pesat mengikut keperluan dan perkembangan pada waktu kini. Pihak kerajaan telah menyediakan banyak peluang kepada setiap individu tanpa mengira kecacatan yang dialami untuk mendapat pendidikan. Antara IPT yang telah ditubuhkan bagi memberi pendidikan vokasional kepada golongan OKU adalah Kolej Komuniti. Kolej Komuniti ditadbir oleh Jabatan Pengajian Kolej Komuniti iaitu pihak ini diberi kuasa oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk bertanggungjawab menguruskan semua urusan kolej Komuniti di seluruh Malaysia.

Menurut kajian Razzatul, Sapiah & Hafiz (2013) peranan kolej komuniti adalah untuk menawarkan kursus yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi setempat bagi melahirkan pekerja terlatih serta memberi peluang pendidikan di peringkat akar umbi. Sejak tahun 2001, kolej komuniti telah memberi penekanan bagi memupuk pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan memberikan pendidikan dan latihan melalui kursus sepenuh masa. Menurut kajian melalui PSH ini ia juga memberi ruang bagi penyediaan mobiliti pelajar melalui pendidikan yang pelbagai serta memberi peluang kedua untuk mengikuti pengajian tinggi. Hal ini kerana sebelum tidak ada penekanan tentang sesuatu prasarana kepada golongan OKU, menurut kajian Ezlina & Alice (2017) reka bentuk kemudahan bagi OKU tidak mempunyai pendekatan yang khas dan ia lebih tertumpu kepada keperluan asas golongan normal.

Antara bentuk kursus yang telah disediakan oleh Kolej komuniti kepada pelajar mereka adalah berdasarkan kepada pendidikan, latihan teknik dan vokasional pada peringkat sijil dan diploma. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) penubuhan kolej Komuniti adalah di seluruh negeri iaitu sebanyak 93 buah kolej Komuniti dan setiap negeri mempunyai satu kursus asas pendidikan khas. Pendidikan yang ditekankan oleh kolej Komuniti adalah kemahiran hidup dan teknikal serta keusahawanan Program yang mereka laksanakan adalah program yang berteraskan kepada program terlanggan di mana boleh dilaksanakan dengan fleksibel bagi pekerja industri selaras dengan agenda Revolusi Industri 4.0 Kolej komuniti di Malaysia. Kolej Komuniti menerapkan pembelajaran dan penilaian berdasarkan kepada praktikal berbanding dengan teori serta ia berbeza dengan pembelajaran di IPT. Tempoh pengajian peringkat sijil di kolej Komuniti adalah 2 tahun iaitu 4 semester termasuk latihan praktikal.

Di samping itu, ini akan membantu masyarakat luar bandar dengan kewujudan kolej Komuniti yang mampu menyediakan infrastruktur sehingga mereka dapat memperoleh latihan kemahiran

melalui kursus pendek dan memberi peluang untuk pendidikan tinggi. Kursus yang ditawarkan oleh kolej Komuniti adalah pada peringkat sijil, dan sijil asas (ketidakupayaan pembelajaran), diploma yang menfokuskan kepada kerja dan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi sijil kemahiran khas ia tertakluk kepada keperluan dan keupayaan OKU untuk mengambil kursus tersebut. Apabila mereka tamat menghabiskan sesi persekolahan kebanyakan mereka boleh melanjutkan pelajaran di kolej Komuniti untuk mendapatkan sijil dan ia menunjukkan bahawa mereka layak untuk ke alam pekerjaan. Namun begitu permasalahan yang sering berlaku di institusi Pengajian Tinggi Awam adalah terdapat halangan dan kelompongan prasarana yang disediakan oleh pihak pengajian tersebut.

2. Permasalahan Kajian

Dunia sedang berjuang untuk pendidikan secara saksama dan berkualiti untuk semua orang bermula dengan bermulanya pendidikan asas, menengah, sijil dan akhirnya pendidikan tinggi melalui pendidikan untuk semua dan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pemerhatian saya, sebagai seorang guru, kebanyakan murid Orang Kurang Upaya (OKU) melanjutkan pelajaran ke kolej komuniti. Permasalahan yang pertama adalah penerimaan institusi terhadap OKU ketika mereka melanjutkan pelajaran ke kolej komuniti. Fakhriah & Aizam (2018) menyatakan bahawa salah satu kekangan untuk pelajar OKU terima adalah kesediaan institusi itu sendiri untuk menerima pelajar OKU. Institusi perlu bersedia untuk menerima pelajar OKU dengan membuat persiapan secara fizikal dan juga penerimaan daripada pelbagai aspek. Kesan daripada permasalahan ini adalah memberi impak kepada pelajar iaitu kekurangan penyediaan kemudahan menyukarkan mereka untuk mereka berada di institusi tersebut dan terbatas untuk melaksanakan sesuatu tugas.

Selain daripada itu, penerimaan rakan, penerimaan pensyarah juga merupakan halangan yang perlu dihadapi oleh pelajar OKU di kolej komuniti. Menurut Hasnah et al.(2010) terdapat banyak aspek yang menyebabkan pelajar OKU di IPT perlu hadapi seperti rakan, pensyarah, dan juga pelajar yang menuntut di IPT tersebut sendiri. Menurut kajian Intan (2014) tahap kesediaan pensyarah untuk menjalankan P&P kepada pelajar kurang upaya (OKU) berada pada tahap sederhana. Penerimaan sesebuah hubungan amat memberi kesan kepada pelajar OKU tersebut ia melibatkan emosi seseorang. Apabila emosi seseorang terganggu ia akan memberi impak yang negatif kepada mereka dalam pelbagai aspek seperti pembelajaran, keluarga, persekitaran mereka dan sebagainya. Bagi menangani masalah ini masyarakat tipikal perlu ada kesedaran dan juga perlu cuba memahami naluri pelajar OKU dengan memupuk sikap empati.

Di samping itu, permasalahan yang dihadapi oleh mereka adalah kemudahan yang tidak lengkap kepada mereka, hal ini merupakan halangan yang mereka perlu tempuhi ketika di Kolej Komuniti. Penyataan ini di sokong oleh Nandinie & Tajul (2020). Persekitaran pembelajaran yang kondusif dan mudah diakses merupakan keperluan utama pelajar kurang upaya. Kegagalan pihak IPT dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif dan mesra OKU merupakan satu bentuk diskriminasi yang tidak sepatutnya berlaku kepada golongan ini. Bagi menangani masalah ini pihak pentadbiran kolej perlu peka dan mengambil inisiatif yang lebih untuk melengkapkan kolej mereka dengan pelbagai usaha sekiranya tidak dapat peruntukan daripada institusi itu sendiri.

3. Ulasan Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Hazlin & Safura (2017) melaporkan fasiliti OKU yang terdapat di institusi pengajian tinggi masih kurang kemudahan dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan dilakukan pepenakan aksesibiliti dalam industri kerana ia dapat mengurangkan segala permasalahan mudah capai dalam dan luar sesebuah bangunan kerajaan, swasta dan sebagainya. Menurut Kathryn dan Indiran (2015), yang telah menjalankan kajian *di South Africa* menunjukkan bahawa infrastruktur fizikal yang tidak mencukupi menjejaskan penglibatan Pelajar Kurang Upaya di Universiti Limpopo. Infrastruktur yang lemah di universiti memberikan banyak cabaran dan halangan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) untuk bergerak bebas sehingga mereka terasing. Tambahan lagi, berlakunya diskriminasi iaitu tidak mempunyai sokongan daripada staf dan rakan. Kesimpulannya, halangan yang mereka hadapi menjadi punca mereka mengalami masalah seperti mengasingkan diri, tidak berkeyakinan, masalah emosi dan tidak bebas untuk bergerak.

Manakala menurut Hasnah et al. (2009) di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia menunjukkan kekurangan prasarana fizikal yang mesra-Orang Kurang Upaya (OKU), komputer mesra-OKU, bantuan pencari maklumat di perpustakaan, kemudahan sistem pengangkutan mesra-OKU, kerena birokrasi dan kekurangan empati dari segelintir warga kampus. Menurut Ezlina & Alice (2020) menyatakan bahawa di kolej komuniti Ledang mempunyai reka bentuk kemudahan yang tidak mesra pengguna dan hanya mengikut garis panduan Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS). Hal ini menunjukkan bahawa tidak mempunyai rekabentuk yang khas bagi pelajar OKU bagi institusi pengajian tinggi dan terlalu terikat dengan keperluan golongan normal. Secara keseluruhannya dalam kajian ini, menyatakan perlunya memperbaiki prasarana dan perkhidmatan yang disediakan di institusi bagi pelajar-pelajar OKU dan pihak pengurusan struktur pembuatan sesebuah institusi masih lagi tidak cakna dengan keperluan dan kehendak prasarana yang diperlukan oleh OKU di negara kita.

Menurut Faizul (2017) menunjukkan kemudahan sokongan yang diperlukan Pelajar OKU Cacat Penglihatan di Universiti Awam masih memerlukan penambahbaikan dalam kemudahan OKU yang sedia ada. Penyediaan keperluan yang mesra OKU untuk memudahkan mereka mengikuti pembelajaran di universiti. Tambahan pula, kajian Lydia (2014) *di Tanzania* menunjukkan (85%) daripada infrastruktur sukar diakses bagi pelajar yang mempunyai kecacatan fizikal kerana infrastruktur yang uzur. Selain itu, terdapat beberapa kekurangan daripada aspek kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran yang tinggi, kekurangan skim khas, tidak mempunyai kakitangan terlatih, kekurangan dana dan biasiswa untuk pelajar ketidakupayaan fizikal. Hal ini menunjukkan halangan yang terbesar adalah kekurangan wang untuk menambahbaik infrastruktur seperti tandas, bilik kuliah, dewan makan serta peruntukan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi murid OKU.

Seterusnya, kajian Intan dan Munirah, (2014) menunjukkan kesediaan pensyarah berada pada tahap sederhana (skor min=3.35), dan kesediaan institusi berada pada tahap rendah (skor min=2.08). Pada masa yang sama pengalaman pensyarah tidak menjadi faktor dalam menentukan kesediaan pensyarah tersebut untuk mengajar pelajar OKU. Secara keseluruhannya, Kolej Komuniti perlu lebih proaktif dalam membuat penambahbaikan dari segi kesediaan pensyarah, kesediaan institusi bagi membolehkan ia muncul sebagai hub melanjutkan pelajaran bagi OKU di masa hadapan. Di samping itu, kajian James dan Sani, (2014) menunjukkan bahawa masih lagi ramai OKU menghadapi banyak cabaran dalam mengakses pendidikan khas di Uganda iaitu kekurangan infrastruktur fizikal, bahan pendidikan akses mudah ke bilik darjah, dan perkhidmatan lain dan guru tidak termotivasi untuk mengurus

keperluan mereka, yang menyebabkan semangat mereka rendah. Rasuah di kalangan pegawai dalam sistem ini merupakan faktor lain yang mempengaruhi penyediaan pendidikan khas untuk OKU. Hal ini menunjukkan cabaran yang di hadapi oleh OKU di negara Uganda adalah daripada aspek pegawai yang kurang kesedaran mengenai keperluan OKU yang menyebabkan kemudahan yang diperlukan oleh OKU tidak dilaksanakan.

Kajian Marina dan Monica, (2015) di Croatia menunjukkan pelajar OKU merasa puas dengan sokongan tidak formal yang mereka di terima dari keluarga dan rakan-rakan mereka tetapi tidak puas dengan sokongan formal yang mereka terima dari institusi dan pihak kerajaan. Cabaran yang mereka tempuhi adalah pengangkutan dan kekurangan kewangan untuk menghadiri universiti dan penyesuaian bangunan, tandas, lif, bilik darjah dan asrama. Kesimpulannya, pelajar OKU menerima sokongan yang positif daripada keluarga dan rakan mereka. Namun, kekurangan dari segi kemudahan, kewangan, infrastruktur adalah merupakan satu halangan untuk mereka belajar dan menuntut ilmu. Di samping itu, pengimplimentasian kemudahan bagi pengguna kurang upaya perlulah mengikut piawaian dan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak yang berwajib. Kajian ini menunjukkan bahawa kemudahan yang di sediakan tidak membantu sepenuhnya kerana kemudahan yang di sediakan tidak mengikut aspek-aspek reka bentuk sejagat bagi OKU. Hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas mendapati pelajar OKU yang ditempatkan di kolej Komuniti tidak mendapat kemudahan infrastruktur yang sewajarnya dan sokongan yang rendah daripada pihak institusi untuk membantu memudahkan proses pembelajaran berjalan dengan lancar.

4. Metodologi

Kaedah dan reka bentuk sesebuah kajian akan menentukan hasil kajian dan reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan kajian (Piaw, 2014). Fokus kajian ini adalah kepada sekumpulan pensyarah dan pelajar OKU di kolej komuniti dimana keadaan penempatan mereka di kolej Komuniti. Pengkaji menjalankan kajian secara kualitatif dengan memilih kaedah kajian kes sebagai reka bentuk kajian dan berbentuk deskriptif. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur di mana setiap soalan dibina berdasarkan objektif kajian dalam kajian ini. Lokasi kajian pula adalah terbatas di dua buah negeri. Bagi memastikan proses pengumpulan data, kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti A (Selangor) dan kolej Komuniti B (Pahang).

Manakala populasi kajian pula ialah empat orang pensyarah kolej komuniti dan dua pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di kolej komuniti yang merupakan responden kajian ini. Kategori ketidakupayaan yang dipilih adalah masalah pembelajaran dan fizikal. Kaedah pemilihan sampel yang digunakan adalah persampelan tujuan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Persampelan tujuan merujuk kepada melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidik. (Noraini, 2013). Pengkaji menggunakan instrument temu bual bagi mendapatkan data kajian. Soalan temu bual dibina berdasarkan objektif kajian dan terbahagi kepada dua set soalan temubual iaitu pensyarah dan pelajar. Soalan temu bual diolah berdasarkan kajian lepas Hasnah et al. (2009) yang bertajuk Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia dan diubahsuai mengikut kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

5. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian dianalisis dan dirumus adalah dengan merujuk kepada objektif dan persoalan kajian. Seramai dua orang pensyarah dan seorang pelajar daripada Kolej Komuniti A yang telah

di temu bual manakala dua orang pensyarah dan seorang pelajar daripada kolej Komuniti B. Hasil dapatan kajian dapat dilihat daripada tiga tema utama iaitu sokongan yang disediakan kepada OKU, halangan yang di hadapi pelajar OKU dan prasarana yang disediakan kepada OKU.

Sokongan yang disediakan di Kolej Komuniti kepada pelajar OKU:

Hasil kajian mendapati bahawa sokongan penerimaan rakan yang di kepada pelajar OKU dalam kajian ini adalah memberi sokongan kepada pelajar OKU di kolej Komuniti. Lima daripada enam responden kajian menyatakan bahawa pelajar OKU menerima sokongan daripada rakan mereka. Penerimaan ini dinyatakan oleh responden 1 seperti berikut:

“Semua pensyarah dan rakan menerima sama sahaja sama ada pelajar normal ataupun OKU”.

(Responden 1)

Responden 2, menyatakan bahawa disebabkan oleh pelajar OKU rakan-rakan lain memahami dan turut membantu mereka ketika di luar bilik kuliah.

“sangat memuaskan dan membantu sangat sebabnya keadaan baru kan tengok budak OKU ni dia orang rasa simpati nak bantu, kiranya mesralah boleh bantulah, tiada diskriminasi”.

(Responden 2)

Dapatan kajian bagi persoalan ini menunjukkan bahawa pelajar OKU di kolej komuniti mendapat sokongan daripada rakan mereka walaupun mereka kurang yakin dan berasa rendah diri untuk berkawan dengan rakan yang lain.

Manakala penerimaan pensyarah terhadap pelajar OKU di kolej Komuniti juga menerima kehadiran mereka dengan baik. Lima daripada enam responden kajian menyatakan bahawa sokongan daripada pihak pensyarah adalah berbentuk positif iaitu pensyarah boleh menerima pelajar OKU dan mengajar mereka di kolej komuniti. Kenyataan ini dinyatakan oleh responden 1 seperti berikut:

“Semua pensyarah dan rakan menerima sama sahaja sama ada pelajar normal ataupun OKU”

(Responden 1)

Responden 2, menerangkan bahawa mereka memperoleh pengalaman yang baharu untuk mengajar pelajar OKU maka mereka berasa teruja dan boleh menerima pelajar OKU dengan terbuka.

“Penerimaan pensyarah untuk pelajar OKU sangat memberangsangkan sebab program ini pon program baru dan pengalaman mengajar bidang OKU pon apa nama masih baru jugak so, bila ada penerimaan sambutan OKU tu kami pon rasa gembiralah sebab dapat memenuhi keperluan mereka.”

(Responden 2)

Responden 3, memberitahu bahawa daripada segi komunikasi dan pembelajaran tidak menjadi satu isu kepada pensyarah untuk mengajar mereka dan ini menunjukkan pensyarah boleh menerima pelajar OKU.

“Penerimaan pensyarah terhadap pelajar OKU baik dari segi perbualan, pengajaran dan tiada masalah.”

(Responden 3)

Penerimaan pensyarah terhadap pelajar OKU adalah sangat penting. Dapatan kajian menunjukkan pensyarah mampu menerima mereka dengan terbuka iaitu tiada bangkitnya sebarang isu dan juga boleh memahami keadaan pelajar OKU dengan memberi sokongan kepada mereka. Seterusnya, dapatan kajian penerimaan staf sokongan pula secara keseluruhan responden menyatakan pihak pengurusan seperti staf sokongan terlibat dengan pelajar OKU pada waktu tertentu sahaja maka mereka boleh menerima kehadiran pelajar OKU. Perkara ini dinyatakan oleh responden 1 seperti berikut:

“Penglibatan pelajar OKU terhadap staf sokongan agak kurang jadi tiada masalah.”
(Responden 1)

Responden 2, menyatakan bahawa maksud sokongan yang ditunjukkan oleh pihak staf sokongan adalah melalui membantu pelajar dengan memudahkan urusan seperti kewangan dan elauan yang di peruntukan oleh pihak kerajaan.

“Setakat ini staf sokongan daripada pihak pentadbiran jugak dan pengurusan sangat memuaskan contohnya dari segi pengurusan pihak tertinggi berkenan dengan program-program perbelanjaan pelajar OKU banyaknya di supportla urm dari segi pengurusan kebajikan mereka lebih terbuka untuk membantu yang mana mampu contohnya dari segi pinjaman biasiswa dan juga elauan yang pelajar berhak dapat.”
(Responden 2)

Responden 3 menyatakan bahawa pihak staf sokongan memberi khidmat yang baik kepada mereka.

“Tiada masalah. Mereka melayani pelajar OKU dengan baik”.
(Responden 3)

Selain itu, responden 4 mengulas bahawa cara staf sokongan memberi galakan kepada pelajar OKU mereka ini adalah dengan membeli produk yang di jual oleh mereka dan tidak membanding beza dengan pelajar lain. Penerimaan dan juga sokongan daripada pihak staf sokongan seperti pengarah dan juga kakitangan amatlah penting untuk pelajar OKU. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dengan usaha pihak pengurusan iaitu staff sokongan dalam menguruskan hal-hal berkenan pelajar OKU menunjukkan mereka mendapat sokongan dan juga perhatian daripada pihak staff sokongan di setiap kolej komuniti.

Halangan yang di hadapi oleh pelajar OKU di Kolej Komuniti.

Hasil kajian bagi halangan yang dihadapi oleh pelajar OKU di kolej komuniti terbahagi lima sub tema iaitu pengangkutan mereka datang ke kuliah, kemudahan tempat tinggal, kemudahan mengakses maklumat, proses berlaku pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah dan kewangan.

a) Pengangkutan mereka datang ke kuliah

Berdasarkan temubual yang dijalankan enam responden mengatakan bahawa kebanyakan pelajar OKU menghadapi halangan daripada segi pengangkutan. Namun begitu terdapat dua responden yang mengatakan bahawa ada segelintir pelajar yang di latih oleh ibu bapa menggunakan kenderaan awam seperti bas ketika menghadiri kuliah.

Halangan ini dinyatakan oleh responden 1:

“Mereka dihantar oleh ibu bapa mereka semasa hari kuliah dan mereka terpaksa bergantung kepada ibu bapa mereka.”
(Responden 1)

Responden 2 menyatakan bahawa ibu bapa membantu mereka dengan menyediakan kenderaan kepada anak mereka untuk ke kuliah.

“mereka menggunakan kenderaan sendiri yang dibantu oleh ibu bapa.”

(Responden 2)

Responden 3 juga menghadapi situasi yang sama iaitu terdapat pelajar yang berjalan kaki ke kolej dan ada segelintir yang di hantar oleh ibu bapa mereka.

“Macam saya hanya berjalan kaki ke kolej manakala rakan saya ibu bapa mereka yang menghantar semasa menghadiri kuliah”.

(Responden 3)

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar OKU menghadapi halangan daripada segi pengangkutan iaitu terpaksa bergantung kepada ibu bapa, terpaksa berhenti kolej, faktor keselamatan apabila berjalan kaki ke kolej dan kurang keselamatan ketika menggunakan pengangkutan sendiri ke kolej kerana disebabkan oleh faktor jarak perjalanan.

b) Kemudahan tempat tinggal

Dari segi kemudahan tempat tinggal enam responden mengatakan pihak kolej tidak memperuntukan tempat tinggal yang khas iaitu asrama dan pelajar juga tinggal bersama keluarga.

“Mereka tinggal bersama dengan keluarga mereka dan di kolej komuniti tiada asrama.”

(Responden 1)

Responden 3 juga turut mengatakan bahawa tempat tinggal iaitu rumah sewa disediakan oleh pihak kolej tetapi perlu membayar sewa rumah tersebut.

” Kemudahan tempat tinggal disediakan oleh pihak kolej dan kami yang membayar sewa rumah”.

(Responden 3)

Hasil temubual mendapati, tiada asrama yang disediakan kepada pelajar kolej komuniti. Terdapat banyak kepentingan sekiranya asrama di sediakan kepada pelajar, tambahan lagi kepada pelajar OKU bagi memudahkan mereka untuk menguruskan pembelajaran dan juga pengurusan diri mereka.

c) Kemudahan mengases maklumat

Lima daripada enam responden mengatakan mereka tidak ada halangan untuk mengases maklumat. Hal ini kerana tiada kepentingan mereka untuk ke perpustakaan di sebabkan oleh terdapat penyediaan WIFI di kolej komuniti. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh responden 1:

“Di kolej komuniti terdapat kemudahan seperti WIFI, perpustakaan cuma pelajar jarang ke perpustakaan kerana mereka tiada masa untuk ke perpustakaan.”

(Responden 1)

Namun begitu, responden 2 mengatakan bahawa bagi pelajar OKU yang kategori pembelajaran tiada masalah untuk mereka mengases perpustakaan, tetapi bagi pelajar OKU fizikal adalah sukar. Hal ini oleh boleh menyebabkan mereka berasa terasing dan menjadi halangan mereka untuk mengembangkan pengetahuan mereka.

“informasi seperti library tidak dapat disediakan untuk pelajar OKU sepenuhnya kepada masalah fizikal kerana kedudukan library ataupun perpustakaan berada di

tingkat atas.”
(Responden 2)

d) Proses berlaku pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah.

Tiga responden menyatakan mereka mempunyai halangan daripada aspek ruang dan 3 responden yang menyatakan mereka tidak mempunyai halangan daripada aspek proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Berikut merupakan kenyataan yang dinyatakan oleh responden 1 di mana mereka mengalami halangan dari segi ruang bilik kuliah mereka.

“Bagi pelajar, proses pengajaran dan pembelajaran lebih kepada amali. Manakala bagi teori khusus kepada pengajian am, Pendidikan islam, Pendidikan moral.
(Responden 1)

“Jadi mereka tidak mengalami kekangan semasa di dalam bilik kuliah cuma ruangan untuk mereka berehat agak sempit”
(Responden 1)

Kesemua responden menyatakan tiada halangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlaku daripada penyediaan alat bantu mengajar seperti LCD, peralatan dapur dan bahan bantu mengajar untuk pelajar pekak.

e) Kewangan

Lima daripada enam responden menyatakan tiada halangan daripada segi kewangan pelajar kolej komuniti. Responden 1 menyatakan bahawa tidak pasti dengan kewangan pelajar mereka namun beliau menyatakan mereka memperolehi peruntukan biasiswa yang membantu mereka serba sedikit. Berikut merupakan kenyataan yang diberikan oleh responden 1:

“Saya tidak pasti bahawa mereka mengalami masalah kewangan tetapi mereka mendapat bantuan seperti biasiswa dan bantuan OKU.”
(Responden 1)

Responden 2 dan responden 3 turut mengatakan bahawa tidak ada halangan dari segi kewangan kerana memperoleh bantuan.

“Setakat ini masalah kewangan tidak wujud kerana kita kolej komuniti memberikan bantuan kewangan OKU daripada KPT dan yuran pengajian juga mendapat wave iaitu pembayaran kembali.”
(Responden 2)

“Dari segi kewangan tiada masalah kerana kolej juga turut memberikan bantuan kewangan biasiswa sebanyak RM 1000 lebih.”
(Responden 3)

Halangan daripada segi kewangan tertakluk kepada pengurusan kewangan seseorang dan juga pengawasan ibu bapa. Hal ini kerana mereka telah memperolehi sumber kewangan untuk menampung pembelajaran mereka. Namun ia bergantung kepada taraf hidup sesebuah kolej komuniti iaitu di mana lokasi kolej komuniti yang terletak di pinggir bandar dan juga bandar boleh menjadi salah faktor kesempitan kepada kewangan.

Prasarana pelajar OKU di Kolej Komuniti.

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat enam kemudahan prasarana fizikal yang hendak dikaji oleh pengkaji laluan atau ramp bagi laluan kerusi roda, tandas mesra OKU, lif, bilik kuliah, tempat letak kenderaan OKU dan kedudukan tempat letak kenderaan OKU.

a) Laluan ramp atau kerusi roda

Lima daripada responden mengatakan terdapat laluan ramp kepada OKU namun terdapat beberapa kekangan. Oleh itu, bagi pelajar OKU fizikal mereka perlu menjalani proses temuduga untuk sebelum mereka mendapat tempat untuk belajar. Hasil dapatan menunjukkan terdapat bagi kedua kolej komuniti ini terdapat laluan ramp tetapi ia tidak sesuai untuk di gunakan dari segi keselamatan iaitu ketinggian, tiada halangan divider dan juga ruang. Berikut ialah respond dari responden dan 2:

“Mereka perlu melalui proses temu duga, jadi mereka perlu ada ciri untuk akses untuk ke kolej kerana bangunan kami ialah bangunan sewaan bukan bangunan sewaan. Jadi kami tidak boleh ubahsuai bangunan tapi kami menempatkan pelajar yang menggunakan kerusi roda di bangunan bawah.” (Responden 1)

Ramp yang tidak sesuai untuk orang berkeperluan khas, dia ada tapi tidak sesuai. Kalau yang berkerusi roda tu memang sikitla untuk masuk ke kolej kerana ada tinggi sikit, untuk lencongan tu tidak ada bumper. (Responden 2)

b) Tandas mesra OKU

Tiga responden mengatakan kolej komuniti mereka tiada tandas OKU untuk mereka gunakan. Responden 1 dan responden 2 mengutarakan pihak kolej belum lagi memperuntukan tandas OKU kepada mereka.

“Di kolej tiada tandas mesra OKU yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.” (Responden 1)

”tiada toilet khas untuk orang-orang OKU.” (Responden 2)

Responden ini menjelaskan mereka bahawa mereka menggunakan tandas pelajar normal untuk kegunaan mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kolej komuniti A masih tidak ada lagi tandas bagi pelajar OKU. Bagi pelajar OKU yang menggunakan kerusi roda sukar untuk mereka menggunakan tandas pelajar normal di sebabkan oleh keluasan ruang. Bagi kolej komuniti B pula peruntukan tandas OKU adalah satu sahaja iaitu di tingkat bawah ini menyebabkan mereka sukar untuk mereka menggunakan tandas tersebut kerana jarak tandas.

c) Lif

Dapatan kajian mendapati 3 responden daripada Kolej Komuniti A mengatakan bahawa mereka tiada prasarana lif.

“Di kolej kami tiada lif kerana bangunan kami hanya terdapat dua tingkat dan bangunan kami merupakan lot kedai.” (Responden 1)

“kami tidak ada perkhimatan lif memandang premis kolej komuniti adalah rumah kedai 2 tingkat so untuk OKU yang fizikal memang tak dapat nak gunala, kita menggunakan tangga sahaja” (Responden 2)

“Di sana tiada lif hanya ada tangga sahaja”. (Responden 3)

Kajian juga menunjukkan bahawa premis yang digunakan oleh pihak Kolej Komuniti Raub, A tidak sesuai untuk dijadikan sebagai tempat pembelajaran bagi pelajar OKU fizikal kerana tiada lif untuk mereka gunakan ke bilik kuliah ataupun perpustakaan.

d) Bilik kuliah

Manakala prasarana bilik kuliah, 2 responden daripada Kolej Komuniti B, menyatakan bahawa mereka mempunyai prasarana bilik kuliah namun ruangan yang tidak sesuai menyukarkan mereka untuk menggunakannya dan semua responden menyatakan terdapat bilik kuliah yang disediakan oleh pihak kolej komuniti. Kenyataan ini diberikan oleh responden 1 dan responden 2 seperti berikut:

“Mereka hanya ada bilik kuliah sahaja.” (Responden 1)

“Jadi mereka tidak mengalami kengkangan semasa di dalam bilik kuliah cuma ruangan untuk mereka berehat agak sempit.” (Responden 2)

e) Tempat letak kenderaan OKU

Berdasarkan temubual, 3 responden menjelaskan kolej komuniti mereka iaitu kolej komuniti A dan B tidak menyediakan prasarana tempat letak kenderaan OKU. Kenyataan yang diberikan adalah seperti berikut:

“Di kolej tiada tempat letak kenderaan OKU bagi pelajar OKU kerana bangunan kami ialah lot kedai. Jadi tiada ruang untuk tempat letak kenderaan bagi pelajar OKU.” (Responden 1)

“Tempat letak kenderaan oku tidak ada di sediakan di premis kami.” (Responden 2)

“Tempat letak kenderaan saya tidak ada dan bangunan seperti rumah kedai.” (Responden 3).

f) Kedudukan tempat letak kereta jauh dari bangunan.

Responden 1, responden 2 dan responden 3 tidak dapat menjawab persoalan berkaitan prasarana ini kerana tidak mempunyai prasarana tempat letak kenderaan OKU bagi kolej komuniti mereka iaitu Kolej Komuniti B, Pahang. Lokasi tempat letak kenderaan OKU menjadi satu prasarana penting kepada pelajar OKU fizikal. Hasil dapatan menunjukkan kedudukan tempat letak kenderaan OKU Kolej Komuniti B ke bilik kuliah adalah sesuai dan mudah untuk mereka gunakan. Berikut ialah kenyataan yang diberikan oleh responden:

“tiada” (Responden 1)

“tiada” (Responden 2)

“tidak ada dan bangunan seperti rumah kedai.” (Responden 3)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelajar OKU di kolej Komuniti menerima sokongan daripada aspek penerimaan rakan, penerimaan pesyarah dan juga penerimaan staf sokongan. Sokongan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat membantu pelajar OKU untuk meneruskan pengajian dengan lebih baik. Pendapat ini turut disokong oleh kajian yang dibuat oleh Norfatimah (2014), mengatakan bahawa intitusi perlu memberikan sokongan kepada golongan OKU dengan baik, hal ini kerana untuk memberi didikan kepada untuk lebih berkeyakinan untuk menghadapi kehidupan pada masa akan datang. Manakala dapatan halangan yang dihadapi pelajar OKU di kolej Komuniti ialah segi pengangkutan iaitu antara terpaksa bergantung kepada ibu bapa, terpaksa berhenti kolej, faktor keselamatan apabila

berjalan kaki ke kolej dan kurang keselamatan ketika menggunakan pengangkutan sendiri ke kolej kerana disebabkan oleh faktor jarak. Marina dan Monica, (2015) turut melaporkan cabaran yang mereka tempuhi adalah pengangkutan dan kekurangan kewangan untuk menghadiri universiti dan penyesuaian bangunan, tandas, lif, bilik darjah dan asrama.

Selain itu, tiada halangan halangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlaku daripada penyediaan alat bantu mengajar seperti LCD, peralatan dapur dan bahan bantu mengajar. Kajian Hasyila (2013) suasana bilik yang positif bukan sahaja akan menggalakan pembelajaran yang menyeronokkan tetapi pelajar akan mudah paham dan mudah memahami pembelajaran dengan cara yang efektif. Manakala tidak terdapat halangan kewangan, kerana pelajar OKU mendapat biasiswa daripada pihak kerajaan dan pengurusan kewangan mereka teratur Menurut Norfitriah & Nurul Husna, (2019) pelajar kolej komuniti mengetahui pengurusan kewangan peribadi yang baik dalam kehidupan seharian dan menyedari akibat tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang bijak. Seterusnya, hasil dapatan menunjukkan kemudahan prasarana yang disediakan kepada pelajar OKU di kolej komuniti tetapi tidak mengikut piawaian OKU.

Kemudahan laluan atau ramp bagi laluan kerusi roda, hasil dapatan kajian mendapati terdapat laluan ramp kepada OKU namun terdapat kekurangan daripada penyediaan prasarana tersebut iaitu pergerakan mereka terbatas seperti laluan ramp tidak mengikut kesesuaian mereka. Pernyataan ini di sokong oleh kajian yang dibuat oleh Ezlina & Alice, (2020) mengenai kemudahan prasarana di kolej komuniti yang disediakan tidak mengikut piawaian dan reka bentuk yang tidak bertepatan dengan kemudahan OKU, dimana reka bentuk kemudahan OKU tidak mempunyai pendekatan yang khas dan terlalu terikat dengan keperluan asas golongan normal. Dapatan kajian juga mendapati terdapat kemudahan yang disediakan di kolej Komuniti B tidak disediakan di kolej Komuniti A, prasarana yang tidak disediakan iaitu tandas mesra OKU, lif, bilik kuliah, tempat letak kenderaan OKU dan kedudukan tempat letak kenderaan OKU. Kekurangan kemudahan prasarana ini menyukarkan mereka untuk bergerak dan membataskan mereka untuk sambung pengajian di kolej komuniti tersebut.

6. Cadangan Kajian

Langkah untuk membantu pelajar OKU untuk meneruskan pengajian di kolej Komuniti dengan lebih kondusif ialah pihak pengurusan kolej Komuniti perlu meningkatkan keprihatinan kepada pelajar-pelajar OKU dengan menjaga kebajikan pelajar OKU iaitu memberi perhatian terhadap kemudahan dan keselamatan OKU di kolej komuniti. Pihak pengurusan perlu sentiasa meningkatkan menyelia dan menambahbaik prasarana-prasarana yang disediakan kepada pelajar OKU. Hal ini kerana dengan adanya prasarana kepada OKU mereka dapat menggunakan dengan selesa sepanjang pengajian dan mencadangkan kepada OKU lain untuk menyambung pelajaran di sebuah kolej komuniti.

7. Kesimpulan

Secara kesimpulanya hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua kolej iaitu Kolej A dan Kolej B menunjukkan memberi sokongan kepada pelajar (OKU) di kolej Komuniti mereka. Selain itu, dari segi aspek halangan kepada pelajar OKU pula terdapat halangan yang di hadapi oleh kedua kolej komuniti ini iaitu pengangkutan pelajar OKU ke kuliah dan kemudahan tempat tinggal manakala kemudahan mengakses maklumat, proses berlaku pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah dan kewangan tidak menjadi halangan kepada mereka. Akhir sekali, dari aspek penyediaan prasarana kepada pelajar OKU adalah bergantung kepada

pengurusan pihak kolej komuniti tersebut. Hal ini kerana, prasarana kolej komuniti A tidak lengkap iaitu tiada tandas mesra OKU, lif, ruang bilik kuliah yang sempit, dan tiada tempat letak kenderaan OKU. Hal ini berbeza dengan kolej komuniti B yang lengkap dengan prasarana bagi pelajar OKU iaitu tandas mesra OKU, lif, bilik kuliah, tempat letak kenderaan OKU dan jarak tempat letak kenderaan OKU. Melalui kajian ini, dapat membantu pihak pengurusan kolej Komuniti untuk mengenal pasti halangan yang dihadapi oleh pelajar OKU dan dapat menyarakan agar kajian lanjutan pada masa akan datang dilaksanakan secara lebih mendalam yang merangkumi kolej komuniti di setiap negeri bagi mengetahui kelopongan agar dapat diperbaiki untuk masa hadapan. Oleh itu, kajian ini adalah penting kerana ia memberi focus kepada penambahbaikan sistem pendidikan di setiap IPT lebih-lebih lagi kepada pelajar OKU untuk mendapat pendidikan kepada semua.

Rujukan

- Abdul Hakim Abdullah, Ab Aziz Sulaiman & Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10(2), 104-121.
- Akta Orang Kurang Upaya. (2008). 11 Disember 2020. Di muat turun <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>
- Ahmad Zamil. (2008). Kemudahan Golongan Orang Kurang Upaya: Kepentingan Pada Masa Kini. *Seminar Penyelidikan Siswazah Alam BinaUniversiti Teknologi MARA (Perak)*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 11 Disember (2020). Di muat turun <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sokong>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 26 Januari (2021). Di muat turun <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=penempatan&d=175768&>
- Ezlina & Alice. (2020). Analisis Kemudahan Prasarana Pelajar Orang Kurang Upaya di Kolej Komuniti. *Universiti Teknologi Malaysia, Johor*. Vol. 1, No. 2, 61-75.
- Faizul & Norizan. (2017). Sokongan yang Diperlukan Pelajar OKU Penglihatan di Universiti Awam Malaysia. *Universiti Sultan Zainal Abidin*
- Hafiz, Hazlin, Fikriah & Safura. (2017). Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. Satu Kajian Kes. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Hasnah, Hanafi & Mokhtar. (2009). Sokongan yang di Hadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia, *University Kebangsaan Malaysia*.
- Hazlin & Safura. (2017). Halangan Fasiliti Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang. Vol. 2, (June) ISSN 0128-309X
- Intan & Munirah. (2014). Kolej Komuniti Sebagai Hub Melanjutkan Pelajaran Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU): Satu Tinjauan.
- James & Sani. (2014). Challenges of Providing Special Education to Children with Disabilities
- Jane, Pedzisai, & Judith. (2013). Challenges Experienced By Students with Disabilities When Pursuing Programmes with Zimbabwe Open University (Zou). *Zimbabwe Open University*.
- Kathryn dan Indiran. (2015). The challenges experienced by students with a physical Disability (SWPD) at a higher education institution in South Africa.
- Lydia. 2014. Problems Facing Students with Physical Disabilities In Higher Learning Institutions In Tanzania.
- Marina & Monica. (2015). Social support, the presence of barriers and ideas for the future From students with disabilities in the higher education system in Croatia.
- Noraini. (2013). Penyelidikan dalam Pendidikan. Malaysia Edisi Kedua. Mcgraw Hill

- Norfatiha & Ferlis. (2014). Peranan Integriti dalam Sistem Sokongan Orang Kurang Upaya Fizikal. *Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah Portal Rasmi Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia*. 9 Disember (2020) Di muat turun <https://www.moe.gov.my/en/?view=article&id=6002:politeknik-kolejkomuniti&catid=410>
- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia Edisi Ketiga: Mc. Graw Hill Sdn.
- Razzatul, Sapiah & Hafiz. (2013). *Pengurusan di Kolej Komuniti Ledang: Cabaran dan Harapan*.